

Matrix Concepts raih untung bersih suku ketiga lebih tinggi RM57.2 juta

Pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Bhd (Matrix Concepts) mencatatkan keuntungan bersih lebih tinggi sebanyak 5.3 peratus kepada RM57.2 juta bagi suku ketiga berakhir 31 Disember 2023 berbanding RM54.4 juta pada suku sama tahun sebelumnya.

Ia berkata, peningkatan dalam keuntungan bersih dicapai meskipun kemerosotan pendapatan sebanyak 18.6 peratus kepada RM296.0 juta pada suku dikaji berbanding RM363.8 juta suku sama tahun sebelumnya.

"Ia didorong terutama sumbangan lebih besar daripada projek hartanah kediaman kumpulan di Sendayan Developments, menghasilkan peningkatan 5.8 peratus dalam keuntungan kasar kepada RM159.5 juta pada suku ketiga berakhir 31 Disember 2023 berbanding RM150.7 juta sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan.

Pada suku yang sama, Matrix Concepts berkata, pendapatannya disokong pengiktirafan projek yang telah siap, iaitu pembangunan M Greenvale dan The Chambers di Australia dan Lembah Klang.

Ia berkata, jualan hartanah baharu Matrix Concepts kekal berdaya tahan pada suku ketiga berakhir 31 Disember 2023 didorong oleh sentimen positif daripada pembeli rumah, mencatatkan RM345.3 juta berbanding RM340.3 juta sebelumnya, dengan Sendayan Developments menyumbang RM231.1 juta.

Pada masa sama, katanya, Pembangunan Lembah Klang kedua yang baru dilancarkan kumpulan, Levia Residence, memperoleh jualan baharu bernilai RM97.9 juta dalam tempoh tiga bulan selepas pelancarannya.

Sehingga 31 Disember 2023, ju-

alan belum dibil kumpulan RM1.2 bilion, dijangka diiktiraf dalam tempoh 15 hingga 18 bulan akan datang.

Dalam sembilan bulan berakhir 31 Disember 2023 (9M24), keuntungan bersih kumpulan meningkat 22.3 peratus kepada RM185.9 juta berbanding RM152.0 juta dalam tempoh kewangan sebelumnya, dengan pendapatan 21.0 peratus lebih tinggi sebanyak RM986.8 juta berbanding RM815.4 juta dalam tempoh yang sama.

Mengulas prestasi kewangan itu, Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin, berkata pihaknya telah menubuhkan tapak yang kukuh di Negeri Sembilan, Lembah Klang, dan Johor, di samping meluaskan pengaruhnya secara global dengan usaha niaga yang berjaya di Indonesia dan Australia.



Beliau berkata, jualan hartanah baharu untuk 9M24 meletakkan pihaknya dalam landasan yang betul untuk mencapai sasaran jualan baharu RM1.3 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024.

"Kami telah menunjukkan prestasi kewangan lebih baik dan daya tahan walaupun berdepan cabaran harga bahan binaan yang lebih tinggi dan kos logistik yang meningkat.

"Ini membuktikan komitmen kami untuk mengisytiharkan di-

viden, dengan pembayaran pada 9M24 lebih tinggi sebanyak 25 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya," katanya.

Kumpulan mengisytiharkan dividen interim ketiga 2.5 sen se-saham bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024, menjadikan dividen terkumpul 9M24 sesaham berjumlah 7.5 sen dengan jumlah pembayaran sebanyak RM93.9 juta atau 51.1 peratus daripada keuntungan selepas cukai (PAT) 9M24.